



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD, 23 MEI 2021

1	<b>Import daging sejuk beku dari India diteruskan</b>
2	<b>Kartel seludup daging</b>
3	<b>Pengarah masih bebas, pengurus tak mengaku salah</b>
4	<b>454 kompaun peniaga ingkar harga maksimum</b>
5	<b>Kucing dimandulkan cenderung lebih sihat, hidup lama</b>
6	<b>Different virus strain in pets</b>
7	<b>Relocating an animal shelter</b>

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.05.2021	METRO AHAD	COVID-19	7

at  
ta

### Import daging sejuk beku dari India diteruskan

**Kota Bharu:** Kerajaan masih terus mengimport daging sejuk beku dari India meskipun kes jangkitan Covid-19 melonjak di negara terabit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (Mafi), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, negara masih bergantung sebanyak 79 peratus kepada daging import dan ia jauh daripada peratusan disasarkan iaitu 30 peratus.

"Kita masih mengimport sepenuhnya daging sejuk beku dari India kerana mahu

mencukupkan permintaan dalam negara iaitu 79 peratus.

"Setakat ini perkara itu dapat dipastikan daripada sumber bersih dan rumah sembilhan diluluskan," katanya pada sidang media selepas melawat kedai pengeluaran daging segar tempatan iaitu Kedai Duniadaging milik Al-Quds Livestock Sdn Bhd di sini, semalam.

Pengusaha berkenaan turut menjalankan bidang perternakan di ladangnya di Rantau Panjang, dekat sini.

Dalam usaha mencukup-

kan permintaan daging segar dalam negara, Che Abdullah menyarankan agar rakyat merebut peluang dalam bidang perternakan dengan menjadikannya sebagai satu perniagaan yang boleh dikembangkan.

Beliau berkata, pada tahun lalu, jumlah ternakan lembu di Malaysia sebanyak 659,317 ekor dan penggunaan hasilan ternakan daging lembu atau kerbau sebanyak 200,254.9 tan metrik berbanding pengeluaran hasilan ternakan daging hanya 43,492.4 tan metrik.

"Antara cabaran utama negara pada masa kini adalah menyediakan keperluan daging segar bagi menampung permintaan pengguna yang melebihi bekalan."

"Perkara ini terjadi disebabkan populasi ternakan masih rendah dalam negara dan kebergantungan kepada sumber import."

"Kekurangan terhadap bekalan daging ini seharusnya dijadikan peluang untuk rakyat mengusahakan bidang perternakan yang dilihat sangat berpotensi untuk dikembangkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.05.2021	BERITA HARIAN AHAD	MUKA DEPAN	HADAPAN

# Kartel seludup daging 4 pegawai MAQIS didakwa hari ini

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Empat pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta pengurus sebuah syarikat sejuk beku yang disyaki terbabit dalam kes kartel penyeludupan daging akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Pendakwaan itu dipercayai

yang pertama membabitkan pegawai MAQIS selepas beberapa individu dan syarikat didakwa sejak Februari hingga April lalu.

Pada 23 April lalu, sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa atas empat pertuduhan memiliki dan bersubahat memiliki barang larangan produk sejuk beku, Disember lalu.

**Nasional 16**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.05.2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	16

## Pengarah masih bebas, pengurus tak mengaku salah

*Dari Mukar I*

Ia membabitkan 5,224 kotak bahagian ayam, kambing, lembu, ayam belanda dan itik sejuk beku yang bernilai RM643,465.39.

Tertuduh, iaitu syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd; pengarhinya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pada 9 Februari lalu pula, Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, Chee Keong, dan Siew Huak, yang masih bebas serta pengurus, Kim Kuang, turut didakwa di Mahkamah Sesyen atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk beku, awal Disember lalu. Bagaimanapun semua mereka mengaku tidak bersalah.

Pada 2 Disember lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sehingga menggemparkan negara.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia dan kegiatan itu terbongkar hasil serbuan bersepdua pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi membuat label dan cap palsu untuk ditampal pada kotak daging dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

Ia membabitkan rampasan bernilai kira-kira RM6.47 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.05.2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	16

# 454 kompaun peniaga ingkar harga maksimum

KPDNHEP periksa 51,138 premis di seluruh negara sepanjang sambutan Aidilfitri

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan 454 tindakan undang-undang terhadap peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Aidilfitri.

Pengetahuan Penguatan Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap 15 pemborong, peruncit dan peniaga itu membabitkan nilai sitaan sebanyak RM52,897 serta kompaun yang dikenakan ialah RM64,050.

Katanya, sepanjang pelaksanaan SHMMP bagi sambutan Aidilfitri bermula 21 April dan berakhir Khamis lalu, KPDNHEP membuat pemeriksaan terhadap 51,138 premis di seluruh negara.

"Antara tindakan undang-undang yang dikenakan ialah 91 kes menjual melebihi harga maksimum, 186 kes gagal menggunakan tanda harga khas dan 177 kes tidak memperkenan tanda harga.

"Selain itu, KPDNHEP turut menerima 73 aduan sepanjang tempoh berkenaan dan kesemuanya sudah disiasat dan diambil



Azman (kiri) memantau harga ayam segar pada pelaksanaan SHMMP sempena sambutan Aidilfitri di sebuah pasar raya di Georgetown, April lalu.  
(Foto Daniel Saad/BH)

tindakan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata, pelaksanaan SHMMP Aidilfitri secara berfasit bagi menstabilkan harga barang mengikut keutamaan dan mengekang kenaikan harga daripada terus berlaku.

"Secara keseluruhannya, hasil pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan menunjukkan 99 peratus pematuhan yang tinggi di pihak peniaga.

"Kebanyakan barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang ditentukan kerajaan. Malah, sesetengah barang harga terkawal didapat dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

"Senario positif ini berlaku kerana persaingan yang sihat, selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran," katanya.

Azman juga berkata, penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa membantu pelaksanaan serta kelancaran perjalanan skim berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, berdasarkan pemantauan dan maklum balas orang ramai, KPDNHEP akan membuat penambahbaikan bagi memastikan skim itu akan terus relevan dan memberi manfaat kepada semua.

"KPDNHEP juga akan terus bekerjasama dan mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri terutamanya industri ba-

haru bagi memastikan kejayaan pelaksanaan skim ini.

"Kejayaan pelaksanaan SHMMP Aidilfitri 2021 turut mendorong kementerian ini merusak pelaksanaan SHMMP bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2021 yang bakal disambut hujung bulan ini," katanya.

"Sehubungan itu, satu pengumuman berhubung senarai barang dan harga maksimum yang ditetapkan akan diumumkan oleh Menteri (Datuk Alexander Nanta Linggi) Isnin ini," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan SHMMP bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai akan turut memberi faedah yang positif kepada peniaga dan pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.05.2021	SINAR AHAD	GLOSARI	19

**Kucing dimandulkan cenderung lebih sihat, hidup lama**

Keberkatan



Oleh HAMIZAH BASIR  
TAHUKAH pembaca *SinarPlus*, pemanduan kucing atau *neuter* membawa kebaikan pada haiwan peliharaan anda.

Kajian sahih telah menunjukkan bahawa kucing yang telah dimandulkan cenderung untuk lebih sihat dan hidup lebih lama.

Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diutamakan dan diberi perhatian oleh para penjaga kucing selepas haiwan kesayangan anda itu dimandulkan.

Berikut adalah tip-tipnya:

- i. **Pengambilan makanan**
  - Sedangkan sedikit makanan selepas pembedahan dan sambung semula ke jumlah biasa pada kesokan harinya mengikut rujukan jumlah makanan harian yang terdapat pada pek makanan haiwan masing-masing.
  - Berikan makanan yang bersesuaian dan khas untuk kucing yang telah dimandulkan. Varian ini selalunya boleh didapati di kedai-kedai haiwan.
- ii. **Pantau tapak luka pembedahan**
  - Jika berlaku pembengkakan, perubahan warna atau perkumuhan, sila rujuk doktor haiwan dengan segera.
  - Pantau kucing kesayangan anda secara kerap untuk mengelakkannya menjilat tapak pembedahan kerana ia boleh melambatkan lagi proses penyembuhan.
- iii. **Rehat yang mencukupi selepas pembedahan**
  - Jaga kucing di dalam rumah dan blankarkan mereka berahat sekurang-kurangnya seminggu.
  - Terlalu banyak pergerakan seperti menaiki tangga, melompat atau bermain secara agresif boleh melambatkan proses penyembuhan.
- iv. **Tabiat buang air kecil dan besar**
  - Sebaiknya gunakan pasir kucing yang diperbuat daripada kertas untuk mengurangkan risiko jangkitan pada tapak pembedahan sepanjang tempoh pemulihian.
  - Pemilik haiwan peliharaan harus rajin mengganti pasir kucing untuk menggalakkan penggunaan tandas oleh haiwan anda.
- v. **Sediakan ruang rehat yang selesa**
  - Sekiranya kucing tidak mempunyai tempat tidur, cuba lapiskan kotak dengan bantal lembut atau selimut.
  - Pastikan tempat tidurnya berada di tempat yang rendah untuk mengelakkan kucing anda daripada melompat secara berlebihan.
- vi. **Royal Canin FHN Sterilised**

ini dibawakan oleh Royal Canin Malaysia. Royal Canin mencadangkan agar diberikan *FHN Sterilised* kepada si bulus, nutrisi sihat khas untuk kucing dewasa yang telah dimandulkan. Ia terdapat dalam bentuk makanan kering dan basah mengikut kesukaan kucing kesayangan anda.

# Different virus strain in pets

**Expert: No new evidence of cross-infections to humans**

By RENA LIM  
rena@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** Coronavirus contracted by household pets have been around for decades and is an entirely different strain compared to the newly-discovered Covid-19 that infects humans.

Veterinary surgeon Dr K. Pavabakaran said there is no new concrete evidence indicating cross-infections of these coronaviruses from animals to humans so far.

"The types of canine coronavirus that infect dogs are not the same as Covid-19 and this prompted researchers to look into the risks of these coronaviruses passing from animals to humans."

"While studies are ongoing, there is no new concrete evidence indicating such cross-infections so far."

"The coronavirus that affects pets, more commonly dogs, usually affects their gastrointestinal and digestive systems."

"This is different from Covid-19, which affects our respiratory system," he said yesterday.

Dr Pavabakaran said he has been offering vaccination for canine coronavirus at his clinic for over 25 years.

"As far as I am aware, there has never been any instance where humans were infected with the coronavirus that affects their pets."

"But we cannot say the same for Covid-19 and if it is safe for pet owners to be around pets if they contracted Covid-19."



**Keep animals safe:** Household pets especially cats and dogs getting undesirable attention amid the pandemic as they are known to be susceptible to certain coronavirus variants. However, these are not related to Covid-19 but still scare the masses nonetheless.

"Because Covid-19 is relatively new, I personally think there is no harm in being cautious."

"If pet owners are down with Covid-19, or anyone at all catches Covid-19, they need to isolate themselves, even from their pets."

"Some concern is good in this case as it is always better to take precautions," he said.

Meanwhile, Penang Animal Welfare Society (PAWS) founder Barbara Janssen, who noted an increasing number of pets being dumped during the pandemic,

urged pet owners not to give up on their pets easily.

"Whether it is due to coronavirus scares or economic difficulties, pet owners should not simply dump their pets."

She also said the coronavirus that affects pets is totally different from Covid-19.

"It will not spread to humans. I have been around dogs for most of my life and I have never seen anyone infected by the strain that affects dogs."

"As such, there really is no reason

to be concerned or scared of our pets based on viral posts or hearsay rumours," said Janssen whose shelter in Teluk Bahang now houses over 600 dogs.

At another shelter in Teluk Bahang, which houses over 300 cats, Cat Beach Sanctuary founder Teviot Fairservis said they get calls every day from the public or owners who are letting their cats go.

"Whether these people let go of their cats due to coronavirus scare or economic difficulties, we do not know," he said.



**Dog talk**  
ELLEN WHYTE

THIRTY years ago when PAWS was first set up, their shelter sat in the middle of a palm oil plantation, at a considerable distance from the city. But times grow and over the years the plantation was replaced by homes.

"We've known for some years that we'd have to move," Edward Lim, the PAWS shelter manager shares. "The area was scheduled for more development and our shelter was sitting on a piece of land meant for an underground water tunnel which helps to mitigate water to prevent flooding."

As the area continued to be developed, PAWS got their formal notice to move some five months ago. At this point, PAWS was home to more than 300 dogs and cats.

"As soon as we got the news, our focus was on making the move as easy as possible for the animals," Lim shares.

PAWS has a new piece of land that's split into two areas: one small piece that is a temporary shelter and another piece that will house a brand new, state-of-the-art shelter.

The new building is designed to last for decades and be eco-friendly. It will have several storeys, with the ground floor for dogs, and the cats living upstairs. In addition, the building will have solar power, and will use rain water catchment for water.

## Relocating an animal shelter

The thought of moving is enough to make anyone quail but this animal shelter recently moved over 300 animals.



When PAWS relocated, the animals were moved in individual cages. — Photos: PAWS



PAWS moved over 300 animals, including these two dogs.

"It's the proper thing to do, because we want to be gentle on the environment," Lim says. "But none of it is cheap. Also, if we can raise the funds, it's our dream to have a little space for an in-house quarantine centre and also a small clinic space for emergencies."

To anyone who has moved house, the logistics of moving a shelter, never mind throwing in the construction of an entirely new building, will sound appalling. But PAWS staff are seeing the upside.

"The old place was too small and it was hard to keep the drainage, because it was built 30 years ago," Lim points out. "It would have cost a fortune to put it right. In the new place, we can do it all properly from the start. It means our animals will have a better shelter and, for our staff, it will be easier to keep clean."

As such, the team swung into

action, planning the move as if it were a military operation.

"We suspended surrenders in mid April and focused on adoptions so we could reduce the numbers," Lim shares. "Then we built temporary shelters for the dogs on the new land."

"As cat enclosures are more complex to build, and the MCO was an added issue, we didn't have time to build new ones for them. So we rented a shop-plot and moved all the cats there temporarily."

For the primary move, PAWS

had to ship water tanks, fridges, stoves, office equipment, food supplies, and stacks of bowls, leashes, brushes, grooming gear and more. It would cost a fortune, but luckily, PAWS supporter Shen Chong volunteered to help find sponsors for the move and Edward Tan offered his logistics company Ral Solution

charity rate.

"We built the temporary shelter first and when that was done, we moved the hardware, like the fridges and computers," Lim explains. "Big stuff went first, and the food perishes went after."

The animals were the last to be moved.

"As many were afraid, each animal had to go in a single cage," Lim explains. "That's for safety. If you put more than one animal in a cage, they might panic and fight."

"We loaded each pet into a cage by hand, and then put them on the lorry. As a dog in a cage is heavy, we had to use a forklift. Then we drove them to the new site, unloaded the cage from the truck by forklift, and then carried the animal and unloaded them in their new temporary shelter by hand."

As PAWS had limited cages, they

would then be put back on the truck and used to ferry another batch of dogs.

"Cats are small and light, so we'll move them from the shoplot to the temporary shelter later this month with our van," Lim shares. "It will take three days or so."

Shelter work is always a tough gig but relocating one is hot, dirty and difficult work, especially as it's been raining too. Although he doesn't say so, it's clear that moving was an exhausting for all involved, animal and human.

But with continued public support, this will be an investment into a shelter upgrade that will benefit the most vulnerable of our pets.

Want to help PAWS? Donate through <https://krafund.com/9634-paws-building-fundraiser>. Donations are tax exempted, so you will get a receipt.